



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

## PELAKSANAAN FASA II SKDS 2.0 DAN FLEET CARD DENGAN TAMBAHAN 14 JENIS PENGANGKUTAN DARAT BARANGAN

**ALOR SETAR, KEDAH, 12 MEI 2024** – Sejak 2013, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menerajui pelaksanaan tadbir urus subsidi diesel dengan kadar harga khas berbeza dengan harga runcit di stesen-stesen minyak. Pelaksanaan ini mengguna pakai Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 1.0 beserta *fleet card* yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat minyak melibatkan 10 jenis kenderaan pengangkutan awam seperti berikut:

### SKDS 1.0 : 10 Jenis Kenderaan Pengangkutan Awam

- |                       |                       |
|-----------------------|-----------------------|
| (i) Bas Sekolah       | (vi) Kereta Sewa      |
| (ii) Bas Ekspres      | (vii) Teksi           |
| (iii) Bas Henti-Henti | (viii) Van/Lori Mayat |
| (iv) Bas Pengantara   | (ix) Ambulans         |
| (v) Bas Mini          | (x) Bomba             |

Bermula 7 Mac 2024, pelaksanaan sistem ini diperluaskan melalui SKDS 2.0 Fasa 1 meliputi tambahan kepada 9 jenis kenderaan pengangkutan barangan seperti berikut:

### SKDS 2.0 Fasa 1 : 9 Jenis Kenderaan Pengangkutan Barangan

- |                                |                                  |
|--------------------------------|----------------------------------|
| (i) Lori Rigid - Kargo Am      | (vi) Lori Rigid - Refrigerated   |
| (ii) Penggerak Utama           | (vii) Lori Rigid - Tangki Tepung |
| (iii) Lori Rigid - Luton/Kotak | (viii) Window Van                |
| (iv) Lori Rigid - Tangki Air   | (ix) Panel Van                   |
| (v) Lori Rigid - Minuman Botol |                                  |

Setelah proses pengintegrasian data bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan proses pendaftaran permohonan SKDS 2.0 Fasa I berjalan dengan lancar, Kerajaan telah bersetuju untuk memperluaskan pelaksanaan Fasa II kepada SKDS 2.0. Perluasan SKDS 2.0 Fasa II akan melibatkan tambahan 14 jenis kenderaan barangan lain yang meliputi senarai berikut:

### **SKDS 2.0 Fasa 2 : 14 Jenis Kenderaan Pengangkutan Barangan**

- |                                   |   |
|-----------------------------------|---|
| (i) Lori Rigid – Curtainsider     | (viii) Lori Food Catering                 |
| (ii) Lori Rigid - Hasil Pertanian | (ix) Lori Tangki Rigid - Minuman          |
| (iii) Lori Rigid - Kandang Haiwan | (x) Semi - Panel Van                      |
| (iv) Lori Rigid – Kombinasi       | (xi) Bas Perkhidmatan Bergerak            |
| (v) Lori Rigid - Open Platform    | (xii) Van Perkhidmatan Bergerak           |
| (vi) Bas Food Catering            | (xiii) Lori Rigid - Perkhidmatan Bergerak |
| (vii) Van Food Catering           | (xiv) Lori Rigid - Sampah                 |

Syarikat pengangkutan yang terlibat bagi kesemua 14 jenis kenderaan barangan tambahan ini boleh membuat permohonan melalui Sistem MySubsidi Diesel bermula pada hari Isnin, 13 Mei 2024, pukul 10.00 pagi.

Pertambahan dalam fasa II ini menjadikan keseluruhan kenderaan barangan yang layak untuk mendapatkan diesel bersubsidi di bawah SKDS 2.0 adalah sebanyak 23 jenis kenderaan barangan. Pendaftaran bagi 14 jenis kenderaan barangan baharu ini boleh dibuat melalui pautan <https://mysubsidi.kpdn.gov.my/>. Kriteria-kriteria permohonan yang perlu dipenuhi oleh syarikat adalah seperti berikut:

- (i) syarikat hendaklah berdaftar perniagaan di Malaysia;
- (ii) kenderaan mempunyai cukai jalan yang sah dan berkuat kuasa; dan
- (iii) kenderaan yang layak di bawah SKDS 2.0 sahaja.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkenaan perkara ini boleh menghubungi Pusat Panggilan Sistem MySubsidi Diesel di talian 03-8882 6769 bermula jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang pada hari bekerja.

Pada masa yang sama, KPDN masih dan akan terus membuka permohonan kepada kesemua jenis pengangkutan yang tersenarai dalam pelaksanaan SKDS 1.0 dan kedua-dua fasa dalam SKDS 2.0. Syarikat-syarikat yang telah mendapat kelulusan di bawah SKDS juga dinasihati untuk terus membuat permohonan *fleet card* melalui syarikat-syarikat minyak pilihan yang tersenarai.

**YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI**  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup

**###**